

95-5212

+

Detik-detik Bersejarah

# Peristiwa Dalam Kenangan

Buku Lima

Oleh  
Abdul Halim



PUSTAKA JEBAT  
Y-5, Jalan Terolak 3,  
Batu 4¼, Taman Bamboo,  
51200 Kuala Lumpur.

Cetakan Pertama Disember 1987

Pustaka Jebat  
Y-5, Jalan Terolak 3,  
Batu 4¼, Taman Bamboo,  
Jalan Ipoh,  
51200 Kuala Lumpur.

Cetakan Pertama Disember 1987

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu daripada pemilik hakciptanya.

APR 7 18 997 ●

M  
959 5

AM

29 APR 1995

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh percetakan Y.H. SDN. BHD. K.L.

## **Prakata**

Buku ' Detik-detik Bersejarah ' ini adalah satu siri buku yang berbentuk sejarah. Buku ini amat sesuai dan perlu dimiliki oleh setiap orang, khususnya kanak-kanak sekolah.

Kebanyakan kandungan buku ini menerangkan dan mengingatkan kembali peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman silam.

Jika para pembaca berminat atau ingin mengetahui peristiwa-peristiwa yang berlaku pada zaman silam, buku ini amat baik dijadikan teman anda atau menjadi buku tambahan di dalam perpustakaan anda.



## **PENUBUHAN UNIVERSITI MALAYA**

**M**ajlis Perundangan Persekutuan, Persekutuan Tanah Melayu telah meluluskan Rang Undang-undang Penubuhan Universiti Malaya. Penubuhan universiti ini adalah sejajar dengan kehendak-kehendak yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Carr. Saunders. Rang Undang-undang ini kemudiannya telah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Agung British di Asia Tenggara, Mr. Malcom MacDonald selaku Canselornya yang pertama. Dato Onn bin Jaafar, Menteri Besar Johor pada waktu itu telah dilantik sebagai salah seorang daripada Pro-Canselornya. Naib Canselornya yang pertama ialah Dr. G.V. Allen. Tarikh bersejarah ini berlaku pada 31 Mac 1949.

Sebagai sebuah universiti yang pertama di Malaysia (Malaya waktu itu), penubuhannya telah disambut dan dialu-alukan oleh semua golongan rakyat. Rang Undang-undang Penubuhan Universiti Malaya itu dianggap sebagai yang paling progresif dan mempunyai implikasi yang menyeluruh dan dinamik kepada perkembangan pelajaran di Tanah Melayu keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, seperti institusi-institusi pengajian tinggi yang lain, penubuhan Universiti Malaya tidak terlepas daripada masalah kewangan. Untuk mengatasi masalah itu, Tabung Universiti Malaya telah dilancarkan pada 3 April 1949 oleh Canselornya yang pertama. Tiga orang Bendahari telah dilantik untuk menjayakan tabung ini. Mereka ialah Dato' Hamzah bin Abdullah, Orang Kaya Menteri (Menteri Besar Selangor), Y.B. Encik Tan Chin Tuan, J.P. Singapura dan Mr. Ford dari Messrs Evat & Co.

Upacara yang menandakan kelahiran Universiti itu telah dilakukan pada 8 Oktober 1949 di Dewan Raffles College, Singapura, apabila Raffles College dan King Edward VII College of Medicine diisytiharkan sebagai sebahagian daripada Universiti Malaya, sebagaimana yang diperlembagakan dalam Rang Undang-undang penubuhannya.

Kerja-kerja pembinaan bagi jangka masa sepuluh tahun yang pertama dianggarkan menelan belanja sebanyak \$3 juta, sementara perbelanjaan rencam untuk jangka masa yang sama ialah \$5 juta. Sebagai satu galakan, pihak Kerajaan British telah menyumbangkan sebanyak 1 juta (\$8,500,000) kepada tabung penubuhan Universiti ini.

## **PERSEKUTUAN TANAH MELAYU DITUBUHKAN**

**P**ersekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948, iaitu selepas berkuatkuasanya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani pada 21 Januari 1948. Persekutuan ini mengandungi 9 buah negeri Melayu iaitu Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Trengganu dan Kelantan, manakala Negeri-negeri Selat pula terdiri daripada Pulau Pinang, dan Melaka.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu ini adalah berikutan daripada tentangan hebat orang-orang Melayu di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar terhadap Malayan Union yang ditubuhkan pada 1 April 1946, tetapi terpaksa dibubarkan pada 21 Januari 1948.

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa-kuasa eksekutif, dengan dibantu dan dinasihati oleh sebuah Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan. Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan mengandungi tujuh orang ahli rasmi dan tujuh orang ahli tidak rasmi. Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan pula mengandungi Pesuruhjaya Tinggi sebagai Presiden Majlis, 14 orang ahli rasmi serta 50



orang ahli tidak rasmi yang mewakili Negeri-negeri Selat, golongan peniaga dan semua kaum. Selain itu, sembilan orang Yang Di Pertua Majlis Mesyuarat Negeri, (Menteri Besar) dan dua orang wakil dari Negeri-negeri Selat menjadi ahli tidak rasmi.

Sebuah Majlis Raja-Raja Melayu akan menasihatkan Pesuruhjaya Tinggi tentang dasar-dasar imigresen.

Residen British kemudiannya digantikan dengan Menteri Besar di tiap-tiap negeri dalam Persekutuan.

Syarat-syarat kerakyatan di bawah kerajaan baru ini diperketatkan melalui kuatkuasa undang-undang dan kerakyatan secara permohonan. Dengan kuatkuasa undang-undang, mereka yang berikut secara automatik boleh menjadi warganegara:

- a) Rakyat kepada Sultan pada mana-mana negeri.
- b) Rakyat British yang dilahirkan di Pulau Pinang atau Melaka, dan telah bermastautin dalam Persekutuan selama 15 tahun terus-menerus.
- c) Rakyat British yang dilahirkan di Persekutuan dan bapanya dilahirkan di Persekutuan atau tinggal selama 15 tahun terus-menerus.

- d) Sesiapa juga yang dilahirkan di Persekutuan dan bertutur dalam bahasa Melayu serta mengikut adat-istiadat Melayu dalam kehidupan sehari-hari.
- e) Sesiapa juga yang dilahirkan di Persekutuan di mana kedua-dua ibu bapanya dilahirkan serta telah tinggal selama 15 tahun terus-menerus.

Melalui proses permohonan seseorang itu boleh menjadi warganegara sekiranya:

- a) dilahirkan di Persekutuan dan telah bermastautin sekurang-kurangnya selama 8 tahun daripada 12 tahun di Persekutuan Tanah Melayu sebelum permohonan dibuat, dan
- b) telah tinggal di Persekutuan selama 15 tahun daripada 20 tahun sebelum ia membuat permohonan.

Dalam kedua-dua perkara itu, pemohon-pemohon mestilah berkelakuan baik, bersumpah taat-setia dan menjelaskan tujuannya hendak menetap di Persekutuan, serta mengetahui bahasa Melayu dengan baik.

Persekutuan Tanah Melayu melalui perlembagaannya menjamin hak-hak dan kedudukan istimewa orang-orang Melayu, kuasa dan kedaulatan Raja-Raja Melayu di negeri masing-masing.



Pengisytiharaan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Pemerintahan baru ini merupakan satu langkah ke arah mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang akhirnya dicapai 9 tahun kemudian, iaitu pada 31 Ogos 1957.

## **PEMBUKAAN RASMI PUSAT PENYIARAN MALAYSIA "ANGKASAPURI"**

**S**ebelum Angkasapuri dibuka pada 17 Februari 1968 oleh Perdana Menteri Malaysia, iaitu Tunku Abdul Rahman, Pusat Penyiaran negara ini sentiasa berpindah dari satu tempat ke satu tempat. Sejarah perkembangannya bermula apabila Persatuan Wireless Tanah Melayu di Kuala Lumpur memulakan siarannya di Bukit Petaling pada tahun 1930. Dari sini, ia mula berpindah ke Bangunan Guthrie dan kemudian ke Bangunan Oriental di Jalan Tun Perak. Selepas itu, ia berpindah lagi ke Hospital Tanglin dan akhirnya ke Rumah Persekutuan, Jalan Raja, Kuala Lumpur selama kira-kira 15 tahun sebelum berpindah ke Angkasapuri. Sementara itu studio sementara Televisyen Malaysia yang ditempatkan di sebuah bangunan di Jalan Ampang berhampiran dengan Dewan Tunku Abdul Rahman telah memulakan siarannya pada 28 Disember 1963.

Pusat Penyiaran Angkasapuri yang indah ini terletak di Bukit Putra, iaitu di Kawasan Majlis Perbandaran Kuala Lumpur/Petaling Jaya. Bangunan ini yang tingginya 10 tingkat didirikan di atas satu kawasan seluas 33 ekar dan mengadap ke Lebuhraya Persekutuan (Federal Highway) yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Petaling Jaya.

Tujuh tingkat daripadanya dikhususkan bagi kegunaan pejabat. Tiap-tiap tingkat mempunyai keluasan 1021.9 meter persegi. Di bangunan ini, kerja-kerja pentadbiran dan perancangan untuk tujuan penerbitan dan penyiaran dilakukan. Di sebelah selatan bangunan ini terdapat sebuah bangunan dua tingkat yang digunakan untuk kerja-kerja penerbitan dan penyiaran. Di bangunan ini, terdapat beberapa buah studio rakaman dan bilik penyiaran. Di sinilah rancangan-rancangan televisyen diterbitkan dan disiarkan. Kedua-dua blok bangunan tujuh tingkat (Bangunan Pentadbiran) dan dua tingkat (Bahagian Penerbitan dan Penyiaran) ini dihubungkan oleh sebuah anjung dan sebuah balai sambutan yang menjadikannya sebuah kompleks penyiaran yang terbesar di Asia Tenggara.



## **PERJANJIAN KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

**P**erjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani pada 8 Februari 1956 di Lancaster House, London. Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Tanah Melayu telah menandatangani bagi pihak Persekutuan Tanah Melayu dan Mr. Alan Lennox-Boyd, Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan British telah menandatangani bagi pihak kerajaan British. Wakil-wakil yang lain bagi Persekutuan Tanah Melayu yang hadir sama di upacara itu ialah Datuk Abdul Razak Hussein, Dr. Ismail Abdul Rahman, Encik T.H. Tan, Encik Abdul Kadir Shamsuddin dan Col. H.S. Lee. Perwakilan Raja-Raja Melayu pula terdiri daripada Datuk Panglima Bukit Gantang, wakil Sultan Selangor. Perwakilan Kerajaan British pula terdiri daripada John Hore, Menteri Negara, Mr. Donald Gillivray, Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu, Mr. David Watherston, Ketua Setiausaha Persekutuan Tanah Melayu dan Mr. Oscar Spencer, Menteri Hal-Ehwal Ekonomi Persekutuan Tanah Melayu.



Mengikut perjanjian itu, kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu akan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957. Antara lain perkara-perkara yang tercatat dalam Perjanjian Kemerdekaan itu ialah perubahan-perubahan yang berkaitan dengan Kementerian dan Jabatan-jabatan bagi Persekutuan Tanah Melayu dan pemansuhan jawatan Penasihat British. Perubahan-perubahan itu dengan sendirinya melibatkan beberapa pindaan dalam perjanjian-perjanjian negeri, perlembagaan negeri dan Perjanjian Persekutuan.

## PERISTIWA BUKIT KEPONG

**P**ada 23 Februari tahun 1950, dua puluh lima orang anggota polis dan orang awam telah terkorban dalam pertempuran dengan pegganas-pegganas komunis ke atas Balai Polis Bukit Kepong di Muar, Johor. Mereka ialah tiga orang Pegawai Polis berpangkat rendah, termasuk Sarjan Jamil, enam orang polis biasa, tiga orang polis "Marine", dua orang polis tambahan dan dua orang awam. Jumlah tersebut tidak termasuk kemalangan di pihak pegganas komunis, di mana tiga orang terbunuh dan 17 yang lain cedera. Di samping itu tiga buah bangunan telah musnah, iaitu balai penghulu, balai polis dan berek polis.

Perwira-perwira yang terlibat telah mempertahankan balai itu sehingga ke titisan darah yang terakhir. Walau bagaimanapun, pihak pegganas yang jauh lebih ramai jumlahnya tidak berjaya menawan balai polis berkenaan. Pengorbanan yang dilakukan oleh anggota-anggota polis dengan bantuan orang-orang kampung itu merupakan satu pengorbanan yang tidak ternilai harganya.




Sebenarnya, orang-orang kampung dan anggota-anggota polis ketika itu boleh menyelamatkan diri mereka dengan menyerah kepada pihak penganas komunis. Tetapi mereka terus berjuang untuk mendapatkan hak yang jauh lebih mulia daripada nyawa mereka, demi mengekalkan kebebasan dan menyelamatkan negara.

## **PERLETAKAN BATU ASAS MASJID NEGARA**

**D.Y.M.M.** Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail telah meletakkan batu asas Masjid Negara di Kuala Lumpur. Sebenarnya cita-cita untuk membina Masjid Negara yang berharga 10 juta ringgit itu timbul kira-kira sebulan sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Peristiwa perletakan batu asas ini berlaku pada 27 Februari 1963.

Masjid Negara mempunyai bentuk binaan yang menarik dan pembinaannya telah mengambil masa selama lima tahun. Rupa bentuknya berunsurkan ciri-ciri seni bina Islam zaman dahulu yang digabungkan dengan unsur-unsur seni tempatan dan diolah secara moden. Ia mempunyai sebuah dewan besar yang dikelilingi oleh beranda, sebuah menara, sebuah halaman dengan dua buah kolam, sebuah bilik perpustakaan sebuah bilik sementara untuk kegunaan D.Y.M.M. Raja-raja, dan juga ruang pejabat untuk kakitangan masjid.



Bangunan Masjid Negara yang terletak di Kuala Lumpur.

Dewan besar merupakan tempat sembahyang. Luas dewan ini ialah 23,500 kaki persegi yang dikelilingi oleh dinding konkrit, yang disaluti batu marmar Itali yang berkilau-kilauan. Dinding-dinding ini bertebuk di tiga bahagian dengan sembilan buah pintu lorot berkekisi aluminium yang indah. Bahagian bumbung dewan ini berbentuk lengkung, dibuat daripada konkrit dan dilapis dengan gelas mozek berwarna emas putih. Di bawah bumbung itu terdapat rasuk aluminium yang besar dengan bahagian tengahnya tertulis ayat-ayat al-Quran. Bahagian dalam dewan itu dihiasi indah dengan ayat-ayat yang tertulis di sekeliling dinding temboknya.

Selain digunakan sebagai tempat sembahyang, Masjid Negara juga merupakan pusat kegiatan Agama Islam di negara ini.

Antara kegiatan-kegiatan Masjid Negara yang lain termasuklah:

- i) Mengadakan ceramah-ceramah agama.
- ii) Menerbitkan Suara Masjid Negara.
- iii) Mengadakan kelas-kelas pengajian Muqadam, al-Quran, Hadis, Fiqah, Tasawuf dan kelas khas untuk kaum ibu.
- iv) Mengadakan kelas agama tadika.

Sesungguhnya Masjid Negara merupakan satu kemegahan dan keagungan negara kerana ia melambangkan Islam sebagai agama rasmi negara.


## PERBICARAAN PEMBUNUHAN BIRCH

Satu perbicaraan telah diadakan di Bandar Baru, Perak ke atas Seputum, Che Gondah dan Ngah Ahmad yang dituduh membunuh Residen British di Perak, J.W.W. Birch, di Pasir Salak, Kampung Dato' Maharaja Lela pada 2 November 1875. Perbicaraan ini dimulakan pada 3 Mac 1876.

Ketiga-tiga orang yang dituduh itu telah dibicarakan di hadapan Raja Deris, yang dilantik oleh Sultan Abdullah untuk menghakimkan perbicaraan itu. Frank Swettenham, Residen British di Selangor hadir sebagai juri.

Ketiga-tiga yang dituduh tidak mengaku salah, akan tetapi terdapat empat orang saksi yang mengaku telah melihat ketiga-tiga mereka melakukan pembunuhan tersebut. Saksi-saksi tersebut ialah Hamid, yang bekerja sebagai pencuci sampan Birch, Kok Ah Yong, seorang peniaga emas, Mat Tahir, seorang pendayung sampan dan Ho Ah Choy bekerja sebagai tukang masak Kok Ah Yong.

Keempat-empat saksi tersebut bersumpah bahawa mereka melihat Seputum memukul J.W.W. Birch, sambil Che Gondah dan rakan-rakannya menyerang Residen Birch.



Gambar menunjukkan tempat di mana J.W.W. Birch dibunuh.

Akhirnya setelah mendengar keterangan-keterangan daripada saksi-saksi tersebut, Raja Deris telah mengumumkan bahawa ketiga-ketiga yang dituduh itu bersalah dan telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas Seputum dan hukuman penjara seumur hidup ke atas Che Gondah dan Ngah Ahmad. Seputum telah dihukum gantung pada 20 Mei 1876 di Bandar Baru.

## **PENUBUHAN PASUKAN POLIS**

**P**asukan Polis yang pertama ditubuhkan pada 25 Mac 1807 di Pulau Pinang. Pasukan ini merupakan asas kepada penubuhan pasukan Polis Diraja Malaysia yang ada pada hari ini. Pasukan ini diletakkan di bawah perintah seorang Ketua Polis dan Timbalannya. Orang yang pertama dilantik menjadi ketua pasukan ini ialah James Carnegy. Pasukan ini dianggotai sepenuhnya oleh anak-anak tempatan.

Penubuhan Pasukan Polis Pulau Pinang itu telah merintis jalan ke arah penubuhan pasukan polis di negeri-negeri lain. Negeri Melaka mula mengikut langkah Pulau Pinang apabila pasukan polisnya ditubuhkan pada tahun 1827. Kedua-dua pasukan itu kemudiannya disatukan menjadi Pasukan Polis Negeri-negeri Selat.

Apabila berlakunya pertukaran pentadbiran tanah jajahan Inggeris dari Pejabat Tanah Jajahan India ke London pada tahun 1872, pentadbiran pasukan polis ini telah turut terlibat sama. Ia diletakkan di bawah perintah seorang "Inspector General" yang berpusat di Singapura.

Perkembangan pasukan polis maju setapak lagi apabila tertubuhnya pasukan polis bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 2 Jun 1899. Kapten H.C. Syers telah dilantik sebagai ketua pasukan polis ini. Satu pentadbiran pusat telah diwujudkan.

Sementara itu bagi Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu pula, pasukan polisnya bermula di negeri Johor pada tahun 1882, Kedah dan Kelantan 1909 dan Terengganu 1914.

Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak pula, sejarah pasukan polisnya bermula pada tahun 1840 secara tidak rasmi di bawah kelolaan Raja Brooke. Tetapi kemudiannya Pasukan Polis Sarawak telah ditubuhkan pada 1862 yang mengandungi 120 orang anggota, dan Mejar W.H. Rodway telah dilantik sebagai Pengarahnya yang pertama. Pasukan Polis Sabah pula mula ditubuhkan pada tahun 1882.

Menjelang tahun 1948, perkembangan pasukan polis maju setapak lagi apabila seluruh pasukan polis di Semenanjung Tanah Melayu disatukan dan kemudian dikenal sebagai Pasukan Polis Diraja Malaysia, dengan gabungan daripada pasukan-pasukan polis Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.



## **TUN ABDUL RAZAK MENGAMBIL ALIH PUCUK PIMPINAN UMNO**

**P**erhimpunan Agung UMNO ke-22 telah melantik Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein menjadi Presiden UMNO Malaysia dan Tun Dr. Ismail menjadi Timbalannya.

Dalam perhimpunan agung ini, Tun Abdul Razak telah mengumumkan strategi-strategi yang realistik untuk mencapai kedua-dua matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Beliau berjanji akan mengadakan rancangan-rancangan untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat jelata yang tidak berada, baik di luar bandar mahupun di bandar.

Kerajaannya akan meninggikan kadar pertumbuhan ekonomi dengan cara memperhebatkan rancangan pembangunan pertanian dan perusahaan, termasuklah penyertaan kerajaan dalam rancangan-rancangan pembangunan ini.

Beliau akan mewujudkan satu golongan pengusaha dan pedagang di kalangan orang-orang Melayu pada semua lapisan.

Beliau juga akan menyusun semula masyarakat Melayu di luar bandar yang semata-mata bergantung kepada pertanian tradisional dan mengubahnya menjadi masyarakat moden yang berlandaskan pertanian moden dan juga perusahaan serta perdagangan.

Peristiwa yang amat bersejarah ini berlaku pada 23 Januari 1971.

## **PERJANJIAN PANGKOR DITANDATANGANI**

**R**aja Muda Abdullah, Raja Muda Perak yang menguasai kawasan-kawasan di Hilir Perak (Lower Perak) menandatangani Perjanjian Pangkor pada 21 Januari 1874 bersama-sama dengan pembesar-pembesar yang menyokong baginda, iaitu Bendahara, Temenggong, Orang Kaya Menteri, Shahbandar, Raja Mahkota, Laksamana dan Dato' Sagor, di hadapan Gebenor Negeri-Negeri Selat, Sir Andrew Clarke.

Perjanjian ini mengandungi 14 perkara dan di antara yang penting termasuklah:

- (1) Raja Muda Abdullah diiktiraf oleh British sebagai Sultan Perak;
- (2) Raja Bendahara Ismail yang sekarang diiktiraf sebagai Pemangku Sultan diakui sebagai Sultan Muda dan diberi pencen serta di bawah wilayah kecil;
- (3) Ngah Ibrahim kekal sebagai Menteri Larut tetapi tidak lagi sebagai pemerintah yang bebas;

- (4) Sultan hendaklah menerima dan menyediakan tempat kediaman bagi seorang Pegawai British yang dikenali sebagai Residen yang ditauliahkan ke penghadapan Majlis Baginda di mana baginda mestilah meminta nasihat-nasihat beliau di dalam semua perkara melainkan yang berkaitan dengan agama dan adat;
- (5) Menteri Larut menerima seorang Penolong Residen sebagaimana Sultan menerima Residen.
- (6) Pemungutan dan pengawalan ke atas semua hasil mahsul dan juga pentadbiran negeri hendaklah dijalankan mengikut nasihat Residen dan Penolong Residen.
- (7) Residen dan Penolong Residen, Sultan dan pembesar-pembesarnya dibayar gaji daripada pungutan hasil mahsul;
- (8) Keputusan Pegawai-pegawai British tentang pemulihan lombong-lombong di Larut dan ganti rugi yang akan dibayar kepada pihak-pihak yang terlibat adalah muk-tamad, dan
- (9) Menteri Larut bertanggungjawab membiayai segala usaha mengawal ketenteraman negeri Perak.



Gambar di atas menunjukkan Raja Muda Abdullah sedang menandatangani surat Perjanjian Pangkor.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang paling penting dalam Perjanjian ini ialah yang berkaitan dengan perlantikan Residen. Dalam peruntukan ini, Residen berkuasa penuh ke atas pemungutan dan pengawalan hasil mahsul dan juga pentadbiran oleh sebab Sultan dikehendaki meminta dan bertindak mengikut nasihat-nasihat beliau dalam urusan pentadbiran negeri. Melalui Perjanjian ini, walaupun Sultan masih berkuasa ke atas negeri baginda, kuasanya dibatasi oleh keputusan yang diperbuat oleh pihak lain (Pegawai-pegawai British) di mana baginda terikat untuk mematuhiya. Tegasnya, Sultan tidak lagi merupakan pemerintah yang mutlak dalam pentadbiran dan pemerintahan negeri, melainkan yang berkaitan dengan agama dan adat orang-orang Melayu.